

08/10/1997

Membongkar agenda buruk media Barat

Wan Jailani Razak

BEBERAPA pendekatan teliti dan usaha bersungguh-sungguh bagi mengatasi masalah yang melanda negara nampaknya tidak disenangi banyak pihak. Mereka mendakwa tindakan kerajaan akan lebih memburukkan keadaan ekonomi negara dan bukan memulihkan.

Pada masa yang sama, tekanan daripada pihak luar begitu jelas. Selepas tekanan ekonomi gagal memecahbelahkan masyarakat negara ini, media asing menyiarkan laporan yang cuba memburukkan kepemimpinan negara. Keadaan itu sekali gus menjelaskan tujuan asal serangan ekonomi terhadap Malaysia sebenarnya mempunyai agenda tersendiri.

Menyedari hakikat ini, beberapa pemimpin tempatan bingkis menyuarakan sokongan tidak berbelah bagi terhadap teraju kepemimpinan negara dan langkah yang diambil dalam menangani masalah ekonomi masa kini.

Apa yang pasti, keamanan dan keharmonian negara tidak akan goyah walaupun cuba digugat unsur luar, khususnya media asing jika rakyat menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semalam, dua parti utama komponen Barisan Nasional (BN) iaitu MCA dan MIC menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC yang dipengerusikan Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, meluluskan satu resolusi menyokong kepemimpinan Perdana Menteri.

Sokongan sama turut disuarakan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang mahu rakyat memberi sokongan penuh kepada kepemimpinan Perdana Menteri. Rakyat, katanya, harus menolak sebarang unsur yang bertujuan mencemar nama baik Dr Mahathir.

Pergerakan Pemuda yang dipimpin oleh Datuk Zahid Hamidi turut menyatakan sokongan 100 peratus terhadap kepemimpinan Dr Mahathir. Pergerakan itu sedar tujuan spekulator merosakkan ekonomi negara.

Tidak dinafikan, pihak asing mahu rakyat negara ini hilang keyakinan kepada diri, ekonomi negara dan kepemimpinan negara. Serangan yang mereka buat adalah dalam bentuk serangan minda.

Jika hilang keyakinan, kita pastinya akan terpaksa bergantung sepenuhnya kepada keangkuhan Barat. Kelak hilanglah maruah negara dan kemampuan menentukan destinasi negara cemerlang.

Bagaimanapun, masalah ini hanya sementara kerana asas ekonomi negara masih kukuh. Kita perlu yakin dengan kepemimpinan negara.

Dalam perkembangan yang sama, kerajaan menetapkan sasaran jumlah tabungan melebihi 40 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Menurut Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, jumlah tabungan negara pada masa ini ialah 39 peratus daripada KNK dan antara yang tertinggi dicatat sesebuah negara di dunia.

Menurutnya, sebahagian besar tabungan itu mempunyai risiko kerana dilaburkan dan sehubungan itu, kerajaan menetapkan jumlah tabungan lebih tinggi. Apa yang meyakinkan kerajaan, sasaran itu mampu dicapai kerana pulangan daripada penabungan ketika ini amat menggalakkan.

Kempen galakan tabungan yang dilancarkan setahun lalu hampir mencapai sasaran. Kerajaan berpendapat sasaran tabungan 40 peratus akan memberi ruang lingkup yang lebih luas kepada kerajaan untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan tanpa mengharapkin pinjaman luar.

Tindakan itu dapat membantu kerajaan mengurangkan jumlah kadar faedah yang perlu dibayar untuk pinjaman asing yang kadar faedahnya sering

berubah. Sehubungan itu, rakyat perlu mengamalkan sikap berjimat cermat, terutama ketika menghadapi krisis kejatuhan nilai ringgit di pasaran sekarang.

Pengerusi Majlis Ekonomi Pergerakan Pemuda Umno, Dr Rahim Mohd Ghous, berkata sikap pengurusan cermat dan berhemat oleh masyarakat perlu ditekankan ketika mereka di peringkat pemuda.

Ini kerana ketika itulah seseorang pemuda itu memulakan pekerjaan, berkeluarga dan memerlukan perbelanjaan yang banyak untuk menjalani kehidupan yang sempurna. Oleh itu, apa yang penting ialah perlu digerakkan budaya menambah tabungan di kalangan pemuda bagi menjamin masa depan keluarga dan negara yang cemerlang.

Contohnya, jika seseorang itu berbelanja RM1,000 sebulan, mereka boleh fikirkan bagaimana boleh menjimatkan RM50 untuk dimasukkan ke dalam tabungan anak. Ini sudah pasti memberi kesan yang baik dalam jangka panjang.

Bagaimanapun, apa yang dikesali ialah masyarakat masih dipengaruhi pemikiran Barat ketika menilai sesuatu iaitu masih terpengaruh dengan jenama dalam kehidupan seperti pakaian dan keperluan dalam rumah.

Usaha penting dalam langkah berjimat dan menambah tabungan ialah bagaimana kita boleh membeli barangan buatan tempatan yang boleh didapati dengan harga yang rendah. Usah berbelanja untuk memenuhi kriteria kebendaan, sebaliknya adalah lebih penting jika berbelanja untuk meningkatkan prestasi pendidikan.

Perlu disedari, untuk merealisasikan saranan kerajaan ini adalah bukan satu perkara mudah kerana banyak halangan utama yang perlu ditempuhi terlebih dahulu.

"Apabila berbicara mengenai tabungan, ia sebenarnya berkait rapat dengan pembaziran. Oleh itu, kita mesti mempunyai satu perkara yang jelas iaitu apakah sebenarnya keperluan dan tidak perlu.

"Kadang-kadang kita berpendapat ia perlu tetapi sebenarnya ia boleh ditangguh. Selain itu, barang perlu juga ada yang boleh didapati dalam negeri bukan dengan cara mengimportnya," kata Dr Rahim.

Menurutnya, halangan utama kerajaan ialah sikap masyarakat yang tidak berhemat, tiada disiplin dan kesungguhan untuk memastikan bahawa kita boleh memanfaatkan segala sumber yang ada termasuk sumber kewangan secara optimum.

Masyarakat seharusnya menyahut saranan kerajaan yang bertindak memotong perbelanjaan pegawai kerajaan sebagai satu cabaran iaitu bagaimana kita boleh mendisiplinkan diri dan berhemat dengan perbelanjaan yang ingin dilakukan.

Jika masyarakat mempunyai sikap yang betul dan tahu mana yang perlu diberi keutamaan selain tahu menggunakan sumber secara optimum, halangan yang dihadapi sekarang mampu diatasi.

Ahli Ekonomi, Profesor Dr Hamzaid Yahya, mengakui berdasarkan prestasi ekonomi yang ada sekarang, negara sedang menghala ke arah pencapaian ekonomi yang agak perlahan pada masa depan.

"Bagaimanapun, ia hanya berbentuk sementara. Seperti kita bawa kereta, bila kita lalu jalan tidak elok. Kita perlu perlahan kereta," katanya sambil menjangkakan kemelut ini akan berakhir.

Melihat apa yang berlaku sekarang, katanya, kesan krisis mata wang negara masih di peringkat sektor kewangan yang harga saham jatuh mendadak dan kadar tukaran rendah memberi kesan kepada orang ramai dalam masa yang singkat.

Serangan itu belum membabitkan serangan ke atas tingkat harga dan pengeluaran negara. Bagaimanapun, pengusaha terbabit dalam perusahaan tepung sudah menuntut kenaikan harga sebanyak 20 hingga 30 peratus. Ini kerana kesan penurunan nilai mata wang menyebabkan kos belian tepung yang

dibawa ke dalam negara menjadi lebih mahal. Kos itu secara automatik akan ditanggung oleh pengguna. Seterusnya, ia akan menyebabkan kenaikan harga kuih dan roti.

Oleh itu, apa yang boleh dibuat oleh orang ramai dan kerajaan ialah bersatu untuk membincangkan cara mengatasi kesan kenaikan harga barang. Ini kerana 80 peratus daripada barangan yang digunakan dalam negara adalah barangan import termasuk makanan, beras, sayur, pakaian.

Kita harus memikirkan satu cara untuk menjayakan kempen menggalakkan rakyat supaya menggunakan barangan tempatan. Selain itu, pengimport boleh berusaha mengimport barangan daripada negara yang mempunyai nilai mata wang yang sama iaitu menggantikan barang yang sebelum ini diimport dari negara maju kepada negara yang lain yang mempunyai harga lebih stabil dan mungkin lebih rendah.

Di sektor guna tenaga, pekerja tempatan tidak harus bimbang dengan fenomena sekarang kerana kerajaan pastinya memberi keutamaan kepada pekerja tempatan.

Kini, negara mempunyai lebih 1.5 juta pekerja asing dan jika terpaksa, merekalah yang perlu dihantar pulang sebelum memikirkan cara lain mengatasi kesan krisis sektor guna tenaga.

(END)